



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 783

AKTA AKUAN BERKANUN 1960

(Disemak—2016)

AKTA AKUAN BERKANUN 1960

Disemak sehingga 1 November 2016

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini 17 November 2016

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat
kuasanya edisi semakan ini menurut
perenggan 6(1)(xxiii) Akta Penyemakan
Undang-Undang 1968 [*Akta 1*] 17 November 2016

Naskhah bahasa kebangsaan
ialah naskhah sah P.U. (B) 197/1994

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1960 sebagai
Akta No. 20 tahun 1960

SEMAKAN TERDAHULU

Semakan Pertama 1969 (Akta No. 13
m.b.p. 14 April 1970)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 783

AKTA AKUAN BERKANUN 1960

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Borang akuan
3. Akuan palsu boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan
4. Fi
5. Sebutan dalam undang-undang persekutuan Sabah dan Sarawak mengenai undang-undang yang dimansuhkan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 783

AKTA AKUAN BERKANUN 1960

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi membuat dan mengambil akuan berkanun dan bagi maksud yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

*[Semenanjung Malaysia –1 Jun 1961, L.N. 154/1961;
Sabah dan Sarawak—1 Januari 1969, P.U. 488/1968]*

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Akuan Berkanun 1960.

Borang akuan

2. Mana-mana Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah, atau, tertakluk kepada seksyen 4 Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*], mana-mana notari awam yang dilantik di bawah Akta Notari Awam 1959, boleh mengambil dan menerima akuan mana-mana orang yang membuat akuan itu dengan sukarela dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris mengikut borang dalam Jadual.

Akuan palsu boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan

3. Akuan yang dibuat menurut kuasa Akta ini hendaklah disifatkan sebagai akuan yang disebut dalam seksyen 199 dan 200 Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Fi

4. Seseorang yang membuat apa-apa akuan menurut kuasa Akta ini hendaklah membayar kepada pegawai atau Pesuruhjaya yang mengambil akuan itu apa-apa fi yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Sebutan dalam undang-undang persekutuan Sabah dan Sarawak mengenai undang-undang yang dimansuhkan

5. Apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang persekutuan yang berkuat kuasa di Sabah mengenai Ordinan Akuan Berkanun Sabah [*Bab 138*] dan apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang persekutuan yang berkuat kuasa di Sarawak mengenai Ordinan Akuan Berkanun Sarawak [*Bab 52*] atau mengenai Akta Akuan Berkanun 1835 [*5 dan 6 Wm. IV, C. 62*], United Kingdom, hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai Akta ini.

JADUAL

[Seksyen 2]

Dalam bahasa Melayu

BORANG AKUAN

Saya,.....dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawadan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas
 di
 di dalam Negeri
 pada , 20.....

Di hadapan saya,

.....
 (*Tandatangan Hakim
 Mahkamah Sesyen, Majistret,
 Pesuruhjaya Sumpah
 atau notari awam*)

Dalam bahasa Inggeris

FORM OF DECLARATION

I,
do solemnly and sincerely declare that
.....
and I make this solemn declaration conscientiously believing the declaration
to be true, and by virtue of the Statutory Declarations Act 1960.

Subscribed and solemnly declared by the abovenamed
.....
at
in the State of
this, 20.....

Before me,

.....
*(Signature of Sessions Court Judge,
Magistrate, Commissioner
for Oaths or notary public)*



UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 783****AKTA AKUAN BERKANUN 1960**

(Disemak—2016)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta Penyemakan
Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 488/1968	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Akuan Berkanun) (Pengubahsuaian dan Peluasan ke Negeri-Negeri Borneo) 1968	28-11-1968

**SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA
YANG DIGANTIKAN**

No.	Tajuk
Akta 13	Akta Akuan Berkanun 1960

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 783****AKTA AKUAN BERKANUN 1960**

(Disemak—2016)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 783

AKTA AKUAN BERKANUN 1960

(Disemak—2016)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6
AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 2	1. Perkataan “Mana-mana” menggantikan “Sah bagi”	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Tanda koma selepas perkataan “Majistret” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	3. Perkataan “atau” dimasukkan sebelum perkataan “Pesuruhjaya”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
	4. Perkataan “bagi” sebelum perkataan “mana-mana” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	5. Perkataan “boleh” dimasukkan sebelum perkataan “mengambil”	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 3	Perkataan “kuasa” menggantikan “peruntukan”	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 4	1. Perkataan “kuasa” menggantikan “peruntukan”	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “sebagaimana” selepas perkataan “fi” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “dari semasa ke semasa” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
Jadual dalam bahasa Melayu	1. Perkataan “bahasa” menggantikan “Bahasa”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
	2. Perkataan “sesungguhnya” menggantikan “sesungguh”	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “dan” menggantikan “serta”	perenggan 6(1)(xxi)
	4. Perkataan “dalam” dimasukkan selepas perkataan “di”	perenggan 6(1)(iii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	5. Tanda koma dimasukkan selepas perkataan “Majistret”	perenggan 6(1)(xvi)
	6. Perkataan “atau” selepas perkataan “Majistret” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	7. Perkataan “atau notari awam” dimasukkan selepas perkataan “Pesuruhjaya Sumpah”	perenggan 6(1)(iii)
Jadual dalam bahasa Inggeris	1. Perkataan “bahasa” menggantikan “Bahasa”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
	2. Perkataan “declaration” menggantikan “same”	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “the provisions of” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
	4. Tanda koma dimasukkan selepas perkataan “Magistrate”	perenggan 6(1)(xvi)
	5. Perkataan “or” selepas perkataan “Magistrate” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	6. Perkataan “or notary public” dimasukkan selepas perkataan “Commissioner for Oaths”	perenggan 6(1)(iii)
